



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
80604, JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM
e-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Telefon
Am : 07-231 0000
Pengarah : 07-231 0198
Timbalan : 07-231 0191
Faks : 07-2347132
Laman web : <http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor>

Ruj. Tuan : XU/2019/05/15/PPD
Ruj. Kami : JPNJ.PP.600-11/2/1/Jld.9(14)
Tarikh : 02 Jun 2019

Ketua Pegawai Eksekutif
Xused Worldwide Solutions Sdn Bhd
Unit 03 – 02, Tower 3, UOA Business Park
No. 1, Jalan Pengaturcara U 1/51A, Seksyen U 1
40150 Shah Alam, Selangor.

Tuan

PROGRAM KITAR SEMULA “XUSED LEARN AND EARN 2019” DI SEKOLAH

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa surat tuan bertarikh 22 Mei 2019 berhubung perkara di atas adalah dirujuk. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Johor bersedia memberi kebenaran kepada tuan untuk tujuan seperti yang dimohon.

2. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 9/2004 – Panduan Penglibatan Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia**. Sehubungan itu, pihak tuan diminta berhubung dengan Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah Negeri Johor bagi tujuan memohon kebenaran dengan mematuhi syarat-syarat berikut :


- 2.1 **Penyertaan murid mesti telah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu/bapa/penjaga murid.**
- 2.2 **Sekolah/guru/murid tidak boleh dipaksa/ diwajibkan menyertai aktiviti ini.**
- 2.3 Penganjur bertanggung jawab dari segi kebajikan, keselamatan serta menanggung semua kos penganjuran bagi murid-murid/guru yang terlibat.
- 2.4 Penyertaan murid/guru tidak akan mendatangkan sebarang implikasi kewangan kepada murid, sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah serta Jabatan Pendidikan Negeri Johor.
- 2.5 **Kelulusan hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 22 November 2019.**

3. Untuk makluman, Jabatan Pendidikan Negeri Johor sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian JPN Johor mencadangkan supaya penglibatan guru-guru dan murid diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,


(**MOHD FUAAD BIN MOHD SARMIN**)
Ketua Unit Perhubungan Dan Pendaftaran
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
b/p Pengarah Pendidikan Negeri Johor

- s.k.
1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor
 2. Ketua Sektor Pengurusan Sekolah